


**KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
BAHAGIAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN**

ARAHAN TETAP PENGARAH BILANGAN 3 TAHUN 2009

**PERHIMPUNAN PELAJAR
INSTITUT KEMAHIRAN BELIA NEGARA**

1. TUJUAN

Surat Arahannya ini bertujuan untuk menyampaikan keputusan Bahagian Pembangunan Kemahiran, Kementerian Belia dan Sukan berhubung pelaksanaan perhimpunan pelajar di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN).



**KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
BAHAGIAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN**

ARAHAN TETAP PENGARAH BILANGAN 3 TAHUN 2009

**PERHIMPUNAN PELAJAR
INSTITUT KEMAHIRAN BELIA NEGARA**

1. TUJUAN

Surat Arahan ini bertujuan untuk menyampaikan keputusan Bahagian Pembangunan Kemahiran, Kementerian Belia dan Sukan berhubung pelaksanaan perhimpunan pelajar di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN).

2. TAKRIF

Bagi maksud surat edaran ini:

“**IKBN**” bermaksud institut latihan kemahiran yang terdiri daripada Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) di bawah Kementerian Belia dan Sukan.

“**Penolong Pengarah Kemahiran**” bermaksud pegawai yang bertanggungjawab terhadap semua kemahiran yang terdapat di IKBN yang biasanya terdiri daripada Timbalan Pengarah Kemahiran, Penolong Pengarah Kemahiran atau Ketua Bahagian Kemahiran.

“**Penolong Pengarah Bina Insan**” bermaksud pegawai yang bertanggungjawab terhadap Bina Insan di IKBN dan biasanya terdiri daripada Timbalan Pengarah Bina Insan atau Penolong Pengarah Bina Insan atau Penolong Pengarah Pengurusan atau Ketua Bina Insan.

“**Penyelia Asrama**” bermaksud pegawai yang bertanggungjawab terhadap pengurusan asrama

“**Pegawai Kesatria**” bermaksud pegawai yang bertanggungjawab terhadap disiplin pelajar dan penguatkuasaan peraturan tata tertib pelajar serta pelaksanaan arahan kepada pelajar dari masa kesemasa.

“**Pembantu Hal Ehwal Islam**” bermaksud pegawai yang bertanggungjawab terhadap aktiviti keagamaan di IKBN.

“**Warden**” bermaksud pegawai yang dilantik untuk bertanggungjawab terhadap pelajar selepas dari waktu pejabat.

3. LATAR BELAKANG

Pada masa ini, perhimpunan pelajar dilaksanakan mengikut budi bicara IKBN masing-masing. Terdapat IKBN yang berkumpul secara keseluruhan, mahupun yang hanya berkumpul di bengkel masing-masing. Aktiviti yang dijalankan semasa perhimpunan juga berbeza-beza diantara IKBN.

4. PERHIMPUNAN

Dengan ini Bahagian Pembangunan Kemahiran, Kementerian Belia dan Sukan telah memutuskan terdapat tiga jenis perhimpunan yang perlu dianjurkan oleh IKBN:

4.1. Perhimpunan harian

Perhimpunan kesemua pelajar di satu tempat yang telah ditetapkan dan akan dihadiri oleh Ketua Kesatria dan semua Pegawai Kesatria. Aturcara perhimpunan adalah seperti berikut:

7.30 pagi : Nyanyian Lagu NEGARAKU

Nyanyian Lagu Negeri

Ikrar Pelajar (oleh wakil pelajar)

Doa (oleh wakil pelajar)

Pemeriksaan kehadiran

Pengumuman penting (oleh Ketua Kesatria)

8.00 pagi : Bersurai dan berkumpul di Bengkel / Bilik Kuliah

4.2. **Perhimpunan Mingguan**

Perhimpunan minggu merupakan perhimpunan sekali dalam tempoh seminggu bersama sekurang-kurangnya Penolong Pengarah Kemahiran / Penolong Pengarah Bina Insan. Perhimpunan ini akan di anjurkan oleh Unit Displin. Aturcara perhimpunan adalah seperti berikut:

- 7.30 pagi** : Nyanyian Lagu NEGARAKU
Nyanyian Lagu Negeri
Ikrar Pelajar (oleh wakil pelajar)
Doa (oleh wakil pelajar)
Pemeriksaan kehadiran
Pengumuman penting (oleh Penolong Pengarah Kemahiran
atau Penolong Pengarah Bina Insan)
- 8.00 pagi** : Bersurai dan berkumpul di Bengkel/ Bilik Kuliah

4.3. **Perhimpunan bulanan**

Perhimpunan bulanan merupakan perhimpunan keseluruhan pelajar bersama semua pegawai dan kakitangan IKBN. Penganjuran perhimpunan ini hendaklah dianjurkan secara giliran antara sekolah dan bahagian yang terdapat dalam IKBN. Perhimpunan ini akan dihadiri oleh Pengarah IKBN dengan aturcara berikut:

MASA	PERKARA	TINDAKAN
7.30 pagi	<ul style="list-style-type: none"> - Memeriksa Kehadiran Pelajar - Makluman 	Kesatria
	<ul style="list-style-type: none"> - Ketibaan Pegawai Dan Kakitangan - Ketibaan Pengarah 	Semua Pegawai Dan Kakitangan
7.45 pagi	<ul style="list-style-type: none"> - Nyanyian Negaraku - Nyanyian Lagu Negeri - Ikrar Rukun Negara - Ikrar Pelajar - Doa - Amanat Pengarah - Penyampaian Anugerah / Penghargaan (Jika berkaitan) 	
8.30 pagi	Bersurai ke Bengkel / Bilik Kuliah	Kesatria

Jadual 1.0 : Aturcara Perhimpunan Bulanan Pelajar

4.4. Ikrar dan doa

Ikrar hendaklah dibacakan oleh seorang wakil pelajar dan diikuti oleh semua pelajar. Teks ikrar adalah mengikut Ikrar pelajar IKBN yang telah dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Kemahiran, Kementerian Belia dan Sukan. Doa juga hendaklah dibacakan oleh wakil pelajar.

4.5. Penyampaian Anugerah

IKBN boleh menganjurkan penyampaian Anugerah Bulanan kepada pelajar mengikut kategori-kategori tertentu. Penyampaian hadiah pertandingan dalaman juga boleh disampaikan pada waktu tersebut.

5. PERSEDIAAN PERHIMPUNAN

5.1. Pergerakan Pelajar Sebelum Perhimpunan

Pelajar hendaklah bergerak secara teratur dan secara berkawad. Bermula pada jam 7.20 pagi pelajar hendaklah beratur secara bertiga-tiga didepan asrama mengikut jurusan dengan diketuai oleh ketua^{pij} jurusan masing-masing.

Ketua jurusan hendaklah memastikan jumlah kehadiran pelajar cukup sebelum bergerak ke tempat perhimpunan. Pergerakan pelajar adalah secara bertiga-tiga ke tempat perhimpunan. Seterusnya semua pelajar perlu mengikut aturcara perhimpunan yang telah ditetapkan

5.2. Pergerakan Pelajar Selepas Perhimpunan

Selepas selesai perhimpunan, pelajar hendaklah bergerak ke bengkel / bilik kuliah secara berjalan bertiga-tiga. Pengajar perlu menunggu kehadiran pelajar untuk menerima laporan kehadiran pelajar masing-masing.

5.3. Persediaan Perhimpunan

Perhimpunan mesti dilengkapi dengan peralatan-peralatan tertentu seperti pembesar suara, bendera (bagi tujuan menaikkan bendera) dan lain-lain bagi memastikan perhimpunan berjalan dengan sempurna.

TANGGUNGJAWAB PEGAWAI

Dengan berkuat kuasanya Surat Arahan ini, semua **Pengarah dan pegawai serta kakitangan** terlibat mesti mengikut aturcara yang telah ditetapkan dalam arahan ini. Arahan ini merupakan arahan kepada Pengarah dan tidak boleh didedahkan kepada pelajar.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

Ketua Jabatan bertanggungjawab untuk **memastikan semua pegawai / kakitangan yang terlibat dengan jadual harian ini mematuhi masa dan melaksanakan tugas yang telah diamanahkan**. Ketua Jabatan juga harus memastikan supaya segala tindakan adalah mengikut peraturan tata tertib pelajar yang telah ditetapkan.

TARIKH KUAT KUASA

Peraturan baru ini berkuat kuasa mulai tarikh Arahan Tetap Pengarah ini dikeluarkan.

PEMAKAIAN

Peraturan ini akan diguna pakai di semua IKBN.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(HAJI SAARI BIN SALLEH)

Pengarah

Bahagian Pembangunan Kemahiran

Kementerian Belia dan Sukan

Bahagian Pembangunan Kemahiran

PUTRAJAYA

27 Ogos 2009

